



UKM/AKA/224/5
2 Mei 2016

PEKELILING AKADEMIK BIL. 15/2016

Semua Pelajar Program Prasiswazah

Saudara/i,

PENGEDARAN KAD MASUK PEPERIKSAAN DAN JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN (KMJP) SEMESTER II SESI AKADEMIK 2015-2016

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas, seperti saudara/i sedia maklum bahawa peperiksaan akhir Semester II Sesi Akademik 2015-2016 akan bermula pada 13 Jun 2016 hingga 1 Julai 2016.

Untuk makluman saudara/i, mulai Semester I Sesi Akademik 2014-2015, **pelajar dikehendaki mencetak sendiri Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) melalui SMPWEB**. Sehubungan itu, saudara/i boleh mencetak Kad Masuk Peperiksaan dan Jadual Waktu Peperiksaan (KMJP) mulai **17 Mei 2016**.

Sekiranya saudara/i tidak membuat pengesahan masuk peperiksaan, sila pastikan bayaran denda sebanyak RM15.00 (Ringgit Malaysia: Lima belas ringgit sahaja) dibuat di Kaunter Bendahari terlebih dahulu dan saudara/i perlu ke kaunter Akademik dengan membawa resit bayaran berkenaan sebelum saudara/i dibenarkan membuat cetakan KMJP melalui SMPWEB. **Saudara/i diingatkan bahawa kad KMJP hendaklah dibawa bersama semasa menduduki peperiksaan. Pelajar yang gagal menunjukkan kad KMJP tidak dibenarkan menduduki peperiksaan.**


Saudara/i juga diingatkan agar mematuhi peraturan peperiksaan di sepanjang tempoh peperiksaan. Sebarang nota (kecuali yang dibenarkan oleh pensyarah) dan telefon bimbit adalah **DILARANG** untuk dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan. Sekiranya saudara/i melanggar peraturan peperiksaan, tindakan tatatertib akan diambil.

Sekian untuk perhatian dan tindakan saudara/i, terima kasih.

Yang benar,

AZLINA ABU BAKAR
Eksekutif Kanan

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa)
 - Dekan/Pengarah Fakulti/Pusat
 - Pemangku Timbalan Pengarah (Akademik)
 - Timbalan Pengarah (Sistem Pengurusan Kualiti), Pusat Jaminan Kualiti
 - Pengarah Pusat Teknologi Maklumat
 - Pengetua-pengetua Kolej Kediaman
 - Pengurus/Eksekutif Fakulti/Pusat
 - Papan-papan Notis Pelajar



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 2845

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8911 8452/8453/8454/8455/8456/8457/8458/8459/8460/8461/8465/8388/8389 Faksimili: +603-8911 8471

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: <http://www.ukm.my/akademik>